

سمبوتن هاري قرخدمتن عوام کالي ک-۳۱، تاهون ۲۰۲۴

SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
KALI KE-31, TAHUN 2024

DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS

HARI ISNIN
26 RABIULAWAL 1446H | 30 SEPTEMBER 2024M



کبرداياتاهن دان قرقادوان قرخدمتن عوام قمشکين کسجهتراءن نگارا

KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM
PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



*Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri*



Petikan Titah
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-30, Tahun 2023

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kehadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dapat berkumpul pada pagi ini di **Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 Tahun**.

Tidak dapat disangkal, bahawa dalam tempoh tiga dekad ini, pelbagai cabaran telah diharungi untuk menguji kedayatahan perkhidmatan awam.

Maka sehubungan itu, setiap penjawat awam hendaklah sentiasa peka dengan perubahan semasa, disamping tidak lupa mengharapkan petunjuk Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam masa melaksanakan apa jua tugas dan tanggungjawab.

Juga perlu dimiliki ialah idea-idea baru sebagai penambahbaikan proses kerja, peraturan, sistem penyampaian dan penghasilan.

Begitu juga dalam kepimpinan, setiap pemimpin dikehendaki bijak dalam mempelopori potensi kerja, khasnya potensi teknologi digital, sebagai asas kepada transformasi perkhidmatan yang berimpak besar.

Mengenai transformasi perkhidmatan, Beta telah memperkenankan bagi peralihan sebahagian besar proses pengambilan tenaga kerja daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ke Kementerian-Kementerian, khusus bagi Bahagian dua ke bawah. Disamping untuk meningkatkan akauntabiliti, ia juga untuk mempercepatkan lagi pengisian kekosongan jawatan dengan memanfaatkan sepenuhnya *Public Service Recruitment System* atau PSCR yang sedia ada.

Beta juga ingin menekankan soal integriti perkhidmatan awam. Ia tidak boleh roboh, tetapi mesti sentiasa teguh. Kerana jika integriti roboh, maka pelbagai perkara negatif pasti akan berlaku, seperti penyelewengan untuk kepentingan peribadi, rasuah dan sebagainya, sedangkan yang kita mahu ialah sebuah perkhidmatan awam yang bersih, amanah dan berkesan.

Maka ke arah itu, satu pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Am atau 'General Orders' telah pun dilaksanakan dan akan dikuatkuasakan sedikit masa lagi. Pindaan ini dibuat adalah sesuai dengan keperluan semasa sambil terus menekankan aspek kesaksamaan dan ketelusan dalam semua tindakan.

Semua ini turut berkaitan dengan urustadbir perkhidmatan awam sendiri.

Juga turut penting ialah, Kementerian dikehendaki untuk memperinci penyediaan pelan masing-masing, sebagai dokongan kepada kajian mengoptimalkan Sumber Manusia atau *Manpower Optimisation Plan*, yang diterajui bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi ketika ini.

Ini tidak terkecuali, kita menekankan pembangunan kapasiti dan kompetensi setiap warga kerja, dengan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai asas yang diperlukan.

Pada tahun ini, satu anugerah baru telah diperkenalkan sempena 30 tahun Sambutan Hari Perkhidmatan Awam. Beta menyambut baik dan menghargai sokongan Jawatankuasa Penilai Anugerah Penghargaan Khas Jasawan Perkhidmatan Awam kerana mengetengahkan Paduka Ayahanda Beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, selaku tokoh besar "Arkitek Brunei Moden."

Antara peristiwa penting dalam pemerintahan Al-Marhum ialah termaktubnya Perlembagaan Brunei dalam tahun 1959, yang membawa Brunei Darussalam berkerajaan sendiri.

Sesungguhnya, legasi kepimpinan Al-Marhum telah melakar pelbagai kemajuan yang dapat kita nikmati sehingga ke hari ini, khasnya bagi bidang-bidang utama, seperti Ugama, Pendidikan, Pertahanan, Pentadbiran Awam dan Kebajikan untuk rakyat dan penduduk.

Ternyata, kedayatahan sektor awam Negara ini adalah berpaksikan iltizam dan sumbangan Al-Marhum yang berimpak besar kepada kestabilan, kemakmuran dan kemajuan seumumnya.

Maka pada hari ini, Selasa 16 haribulan Rabiulakhir 1445 Hijrah bersamaan 31 haribulan Oktober 2023 Masihi, mengambil sukut baik sempena 30 tahun sambutan kali ini, Beta dengan sukacita memasyhurkan, bahawa Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam adalah TOKOH JASAWAN NEGARA. Semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* merahmati roh Al-Marhum dengan menghimpunkan Baginda ke dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

Untuk akhirnya, kepada penerima-penerima Anugerah, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas usaha dan dedikasi yang telah dicurahkan. Semoga penganugerahan ini akan mencetuskan semangat motivasi dan sumber inspirasi kepada seluruh penjawat awam.

Demikian juga penghargaan kepada setiap penjawat awam yang masih berkhidmat dan yang telah bersara di atas sumbangan dan jasa bakti mereka kepada pembangunan negara, dan juga kepada semua Jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1	SEKAPUR SIRIH
5	PETIKAN SYAIR PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI
8	WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21
10	HURAIAN LOGO HARI PERKHIDMATAN AWAM
12	HURAIAN TEMA HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024
14	TEMA - TEMA HARI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2010 - 2023
16	IKRAR PERKHIDMATAN AWAM
18	ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)
24	KUMPULAN - KUMPULAN YANG MENYERTAI AIP
47	PROGRAM PENGGREDDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA)
53	ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)
58	PENERIMA - PENERIMA APCPA
71	ANUGERAH KAKITANGAN BERJASA DAN BERBAKTI PERKHIDMATAN AWAM (AKB²PA)
74	PENERIMA - PENERIMA AKB²PA
78	KHUTBAH JUMA'AT KHAS SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024
82	RISTAAN SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023
87	RIADAH AMAL SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-30, TAHUN 2023
90	ACARA KEAGAMAAN SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024
92	INFOGRAFIK PERKHIDMATAN AWAM
98	SENARAI JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024
104	SENARAI JAWATANKUASA EKSEKUTIF SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024



SEKAPUR SIRIH

SEKAPUR SIRIH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapatlah kita bersama meraikan **Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 pada tahun 2024** ini.

Tema sambutan pada tahun ini adalah dikekalkan sepertimana tahun lepas iaitu **“Keberdayatahan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara”**. Ini adalah kerana tema ini sinonim dengan keupayaan Perkhidmatan Awam negara ini dalam menelusuri perkembangan dan kemajuan berterusan di sebalik kepelbagaian cabaran yang dibawa oleh arus perubahan semasa.

Keberdayatahan dan Perpaduan tersebut turut mencerminkan kematangan warga penjawat awam di negara ini dalam menerima dan mengadaptasi kepada perubahan yang mempengaruhi urustadbir dan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada.

Tambahan pula, ia juga menekankan kesiapsiagaan penjawat awam dengan terus mengukuhkan sinergi kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan, Swasta dan juga orang awam. Prinsip kerjasama bersepadu ini merupakan asas dalam penyediaan perkhidmatan yang berpusatkan rakyat, selaras dengan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation*.

Demikianlah juga kepentingannya kepada menjaga kemajuan dalam sektor-sektor berkeutamaan Negara, yang turut bergantung kepada keberkesanan urustadbir awam yang didukung oleh kepimpinannya yang berpandangan jauh serta mampu memanfaatkan pendekatan baharu, khususnya potensi teknologi digital ke arah memperkemaskan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan.

Sesungguhnya Perkhidmatan Awam yang inovatif dan responsif, khasnya dalam mendukung kepimpinan bijaksana dan berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kita semua tetap yakin bahawa setiap matlamat yang diterajui Wawasan Brunei 2035 akan dapat dicapai dengan jayanya, insya-Allah.

Lantaran itu, Perkhidmatan Awam harus sentiasa relevan dan peka terhadap perubahan yang berlaku disekelilingnya sebagai anjakan transformasi yang diperlukan, demi menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk ke arah memacu kemajuan Negara.

Sikap amanah, ikhlas dan telus dalam menjalankan tugas harus terus dijadikan pegangan setiap penjawat awam. Justeru, ciri-ciri yang terkandung dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam perlu menjadi asas kepada perilaku seorang penjawat awam.

Alhamdulillah, Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 ini juga turut diserikan lagi dengan penerbitan sebuah Buku Khas bertajuk '**Jasawan Perkhidmatan Awam: Meneruskan Legasi Sultan Omar 'Ali Saifuddien III, Tokoh Jasawan Negara**'. Buku ini mengetengahkan peranan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam sebagai pemimpin yang berwibawa, serta keiltizaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meneruskan legasi Paduka Ayahanda Baginda dalam perkhidmatan awam.

Sambutan ini juga turut menyaksikan Penganugerahan Anugerah-Anugerah Perkhidmatan Awam. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua penerima. Semoga anugerah akan menjadi inspirasi untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang, serta menjadi teladan kepada penjawat awam lainnya.

Akhir sekali, penghargaan tulus ikhlas diucapkan kepada para penjawat awam yang telah bersara pada tahun ini. Semoga segala bakti yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa diredhai dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal 'Alameen.

Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini, dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran yang setimpal dengannya.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri
Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II
Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke-31, Tahun 2024

PETIKAN
SYAIR PERLEMBAGAAN
NEGERI BRUNEI

PETIKAN SYAIR PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI

Karya: Muda Omar 'Ali Saifuddin

Dengan nama Allah permulaan kalam,
Rahmat-Nya banyak memenuhi alam,
Siapa berusaha siang dan malam,
Dapatlah rahmat-Nya di dunia alam.

Siapa berikhtiar setiap hari,
Memohonkan rahmat-Nya supaya diberi,
Taat dan sabar berperiperi,
Permintaan usaha Tuhan memberi.

Pegangan teguh berhati tabah,
Berjalan benar memberi faedah,
Jika dengan izin kehendak Allah,
Mendapat kejayaan dengannya mudah.

Tatkala berunding di perbincangan,
Merundingkan perkara cadangan rancangan,
Perbuatan cuai rawanimbangan,
Harus tak putus segala timbangan.

Harus keputusan berbalik-balik,
Kiranya dicuaikan perkara yang pendek,
Jika enggan hati menyelidik,
Di manakan sempurna umpama merucik.

Umpama meracik merampah ubat,
Jika menyampur tiada cermat,
Banyak ke rempah tentu pelikat,
Surung ke air jadi tak pekat.

Wahai malaiku muda yang tenang,
Jangan dicuaikan perkara yang senang,
Difikirkan mudah senang dan lenang,
Di sana tak nampak semut berenang.

Malaiku pakulun muda cumbuan,
Mahkota ayah anakanda tempawan,
Cahaya mata emasku tuan,
Jangan lekas berhati rawan.

Jangan berhati rawan dan puah,
Merundingkan perkara berhati tabah,
Merunding memutuskan hal yang payah,
Hendaknya jangan lekas meluah.

Kata faedah dalam gurauan,
Menghilangkan sangka kekeliruan,
Membetulkan pendapat keragu-raguan,
Perangkaian ia muda rupawan.

Bertutur kata biarlah sihat,
Banyakkan nasihat untuk mengikat,
Menyatu, merapatkan saudara sahabat,
Kata yang membina bangsa masyarakat.

Tamatlah syair gurindam berteduh,
Mudahan muhibah bertambah teguh,
Kepada saudara hampir dan jauh,
Sabar dan tabah berhati patuh.

Tumpukan hati kepada negara,
Saudara sahabat bertulus mesra,
Sepakat bermuafakat menjalankan perkara,
Bagi kebajikan rakyat sugara.

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21



واوسن فرخدمتن عوام ابدك-۲۱

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

**“Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam
yang sentiasa membangun dan berusaha
dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam
dalam persekitaran yang sihat dan selamat
di bawah inayah dan petunjuk
Allah Subhanahu Wata’ala”**



LOGO

HARI PERKHIDMATAN AWAM





Logo yang **berbentuk huruf HPA** ini diambil ilham dari bangunan-bangunan yang elegan dan moden dengan sentuhan yang menggambarkan intipati dari Hari Perkhidmatan Awam. Bangunan tersebut memiliki struktur yang kukuh dan berwibawa, melambangkan kestabilan dan kepercayaan yang dibawa oleh warga perkhidmatan awam.

3 bentuk cahaya pelangi menuju ke panji-panji ini membawa maksud 3 matlamat Wawasan 2035. Kesatuan dalam beriltizam bagi menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang sebagai penyumbang dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Warna Merah:

Melambangkan semangat dan dedikasi para warga perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan dengan penuh semangat. Ia juga melambangkan kesegeraan dalam memenuhi keperluan orang ramai.

Warna Kuning:

Dalam konteks logo Hari Perkhidmatan Awam, kuning melambangkan sikap positif dan optimistik yang ditunjukkan oleh warga perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Warna ini juga menggambarkan suasana yang terang dan cerah, mencerminkan ketelusan, keterbukaan, dan pendekatan pemimpin dengan rakyat.

Warna Biru:

Warna biru sering dikaitkan dengan kestabilan, kepercayaan, dan profesionalisme. Dalam logo Hari Perkhidmatan Awam, biru melambangkan komitmen warga perkhidmatan awam terhadap integriti, kepercayaan, dan kualiti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.



HURAIAN TEMA

KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

Perkhidmatan Awam adalah sebuah institusi dinamik yang bergerak mengikut arus peralihan zaman yang sangat kompleks serta cabaran-cabaran yang tidak dijangka termasuk mendepani krisis pandemik COVID-19 yang menggegarkan seluruh dunia. Ini telah memberikan impak terhadap lanskap Perkhidmatan Awam dan tidak kurangnya memberikan kesan terhadap kesihatan mental dalam tiga tahun kebelakangan ini. Krisis tersebut juga telah memaksa setiap penjawat awam untuk memiliki kedayatahanan yang tinggi, sentiasa bersikap proaktif, responsif, inovatif dan tangkas serta mempunyai sikap perpaduan yang tinggi sesama warga Perkhidmatan Awam. Ketika negara berdepan dengan situasi pandemik COVID-19, teknologi tidak lagi menjadi opsiyen malahan satu kemestian dalam memastikan kelangsungan pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang awam bagi mencapai kesejahteraan negara.

Dalam pada negara menghadapi pasca pandemik, salah satu teras keunggulan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada setakat mana warga kerjanya sentiasa berpandangan jauh dan mengamalkan nilai-nilai yang luhur lagi murni serta mengekalkan produktiviti kerja yang tinggi, di samping mengutamakan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja.

Sehubungan ini, Perkhidmatan Awam perlulah sentiasa mempertingkatkan kredibiliti dan kompetensi setiap pegawai dan kakitangan dan mengekalkan amalan budaya berprestasi tinggi secara berterusan agar tampil berani dan bersedia bangkit dengan semangat yang jitu dalam menyahut cabaran-cabaran semasa. Kerjasama erat dan bersepadu diantara agensi-agensi Kerajaan dan agensi yang berkepentingan perlu diperkukuhkan lagi bagi memacu ekonomi negara agar tetap berdayatahan dalam menangani dan meminimakan kesan dan risiko daripada sebarang krisis global antaranya termasuklah isu perubahan iklim yang sedang dihadapi pada masa ini.

Asas utama yang perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan ialah taqwa dan ihsan yang perlu diperkukuhkan bagi tujuan menghasilkan tenaga kerja yang berdayatahan, mendorong kepada pembangunan serta sentiasa beriltizam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai dan sektor swasta sebagai penyumbang kepada mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.



TEMA - TEMA

HARI PERKHIDMATAN AWAM

TAHUN 2010-2023



2010 - 2012

'BERSATU PADU KE ARAH MENCAPAI WAWASAN BRUNEI 2035'

Tahun 2010 (HPA Kali Ke-17)

- Hari Khamis, 13 Zulkaedah 1431 / 21 Oktober 2010

Tahun 2011 (HPA Kali Ke-18)

- Hari Khamis, 15 Zulkaedah 1432 / 13 Oktober 2011

Tahun 2012 (HPA Kali Ke-19)

- Hari Rabu, 11 Zulhijjah 1433 / 17 Oktober 2012



2013 - 2015

'URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA'

Tahun 2013 (HPA Kali Ke-20)

- Hari Rabu, 1 Safar 1435 / 4 Disember 2013

Tahun 2014 (HPA Kali Ke-21)

- Hari Rabu, 4 Safar 1436 / 27 November 2014

Tahun 2015 (HPA Kali Ke-22)

- Hari Rabu, 12 Safar 1437 / 24 November 2015



2016 - 2018

'TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF'

Tahun 2016 (HPA Kali Ke-23)

- Hari Khamis, 19 Muharram 1438 / 20 Oktober 2016

Tahun 2017 (HPA Kali Ke-24)

- Hari Rabu, 3 Rabiulawal 1439 / 22 November 2017



2019 - 2022

'PERKHIDMATAN AWAM BERINTEGRITI DAN BERINOVASI PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA'

Tahun 2019 (HPA Kali Ke-26)

- Hari Selasa, 15 Rabiulawal 1441 / 12 November 2019

Tahun 2020 (HPA Kali Ke-27)

- Hari Selasa, 11 Safar 1442 / 29 September 2020

Tahun 2021 (HPA Kali Ke-28)

- Hari Rabu, 22 Safar 1443 / 29 September 2021

Tahun 2022 (HPA Kali Ke-29)

- Hari Khamis, 24 Rabiulakhir 1444 / 19 November 2022



2023

'KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA'

Tahun 2023 (HPA Kali Ke-30)

- Hari Selasa, 16 Rabiulakhir 1445 / 31 Oktober 2023



IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar:

Menjunjung tinggi dan menghayati falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip "Hablun MinAllah" iaitu hubungan dengan Allah dan "Hablun Min An-Nas" iaitu hubungan dengan manusia.

Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.

Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa, Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.

The background is split into two horizontal sections. The top section is light teal with diagonal stripes of varying shades of green and blue. The bottom section is a solid light orange color with a repeating geometric pattern of small, interlocking squares.

ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)



RENCANA ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2024

MUKADIMAH

Program **Anugerah Inovasi Perdana** atau ringkasnya **AIP** adalah merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam. Program ini melibatkan penelitian semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam di bawah Rangka Kerja Perkhidmatatan Awam yang menyumbang kepada pencapaian indeks keberkesanan kerajaan disamping membantu ke arah pemberian perkhidmatan yang cemerlang untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Program AIP ini adalah bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi kerajaan secara berkumpulan dan perseorangan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam secara amnya dan mendukung pencapaian strategi organisasi secara khususnya

MATLAMAT



AHLI-AHLI PANEL BAGI PENILAIAN DAN PEMILIHAN AIP 2024



AWANG ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN
Pemangku Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam



**DR. HAJAH NOOR MAYA BINTI
HAJI MD SALLEH**
Pengarah Institut Perkhidmatan Awam
Institut Perkhidmatan Awam



**DAYANG HAJAH SITI MARDYNAH BINTI
HAJI IBRAHIM**
Pengarah Pembangunan dan Pengurusan
Jabatan Perkhidmatan Awam



**DAYANG HAJAH SUZIYATI BINTI
MOHAMMAD ALI**
Pemangku Pengarah Penyelidikan
dan Perancangan
Jabatan Perkhidmatan Awam



**AWANG HAJI MOHAMMAD YUSRI BIN
HAJI WAHSALFELAH**
Ketua Perhubungan Kerajaan dan
Projek-Projek Khas
Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)



**DR. DAYANG FADLIWATI BINTI
MOHIDDIN**
Dekan, Sekolah Perdagangan
Universiti Teknologi Brunei (UTB)

PENYERTAAN AIP 2024

Pada tahun ini, sebanyak tiga belas (13) kertas projek dari enam (6) Kementerian telah diterima dan dipertandingkan yang melibatkan 66 peserta secara keseluruhan.

Senarai kertas projek yang dipertandingkan adalah seperti berikut:-

No	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
1	<i>Inventory Management System</i>	UPDT	Unit Pengurusan Data dan Teknologi, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan
2	<i>Lifesaver 995</i>	Rescuer 997	Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Negeri
3	<i>Network Accessible Web Help Desk System (NAWHDS)</i>	MUSAEADAT JPPK	Jabatanarah Pembangunan & Perkhidmatan Kerja, Kementerian Pertahanan
4	Poslaju Medicine: Revolusi Perkhidmatan Pos kepada Orang Ramai	Poslaju Medicine	Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

No	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
5	Aplikasi Mengalinga	Bertindak Aplikasi Mengalinga	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
6	<i>Epic Leaders Innovating and Transforming Education (ELITE)</i>	Na'sihun	Unit Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan
7	<i>National Labour Management System (NLMS)</i>	NLMS	Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
8	<i>Brunei Digital E-Arrival Card</i>	EAC Team (E.T)	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
9	Penubuhan Talian A.N.A.K. 121 (Anak Negara Aset Kitani)	CCJ (Call Centre JAPEM)	Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
10	<i>Implementation of Bloodkad Mobile Application Through Public-Private Partnership</i>	Hemaheroes	Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan

No	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
11	<i>Workplace Health Promotion Website</i>	Unit Tempat Kerja Sihat	Unit Tempat Kerja Sihat, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan
12	Transformasi Pendidikan Kearah Meningkatkan Profesionalisme Dan Kualiti Guru	<i>SR Team (Selection Recruitment Team)</i>	Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan
13	Sistem Pengurusan <i>Reciprocal Borrowing Scheme</i>	Pustakawan	Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan

PENUTUP

AIP ini Insya Allah akan diadakan pada setiap tahun, maka dengan itu Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sangat mengalu-alukan lebih banyak penyertaan AIP daripada Kementerian / Jabatan, yang secara tidak langsung menggalakkan budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam. Maklumat lanjut mengenai AIP bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat www.msd.gov.bn atau menghubungi **Urusetia AIP** di talian 2382064/65/66.



KUMPULAN - KUMPULAN YANG MENYERTAI AIP

KEMENTERIAN PERTAHANAN



1. *"NETWORK ACCESSIBLE WEB HELP DESK SYSTEM (NAWHDS)"*

Kumpulan MUSAEADAT JPPK

Jabatanarah Pembangunan & Perkhidmatan Kerja

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Wan Farhani binti Haji Suhaili, Penolong Pengarah

Dayang Zalinah binti Mohd. Ibrahim, Pegawai Projek Kanan

Dayang Nor A'uyun binti Haji Talib, Pegawai Projek

Pengiran Muhammad Zulfadli bin Pengiran Haji Maidin, Pembantu Teknik Kanan
15612 BK Haji Muhd Hasbi Ashsiddieqy bin Haji Salleh, Pembantu Teknik Kanan

SINOPSIS

Diantara inisiatif Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja (JPPK), Kementerian Pertahanan dalam memperbaharui serta menambahbaik proses-proses kerja dan pemantauan sistem, merekod atau pemfailan dan juga memastikan pengguna berpuashati dengan perkhidmatan yang disediakan bagi proses-proses permohonan kerja aset-aset pembangunan dan pemeliharaan di Kementerian Pertahanan, satu sistem mejabantu *Network Accessible Web Help Desk System (NAWHDS)* telah dikenal pasti dan dilaksanakan.

Objektif projek NAWHDS ini adalah bagi mendigitalkan proses permohonan kerja yang telah dilaksanakan secara manual kepada secara automatik, menyelaraskan proses-proses permohonan, menambahbaik interaksi dan komunikasi diantara JPPK dan pengguna serta meningkatkan lagi kecekapan keseluruhan JPPK.

Selain itu, *NAWHDS* berfungsi sebagai bantuan kepada pengguna bagi permohonan-permohonan kerja pembangunan dan pemeliharaan melalui *centralized platform*. Sistem ini adalah *friendly user approach* yang mana pihak pengguna boleh menghadapi permohonan kerja melalui ID tiket yang telah ditetapkan secara automatik, menjejak status tiket bagi perkembangan kerja yang telah dipohonkan, menerima kemaskini makluman yang tepat tentang pertanyaan yang dikemukakan dan komunikasi dengan kakitangan JPPK dalam masa-nyata ("*real-time*"). Ianya juga adalah untuk merekod kesemua aduan dan permohonan daripada pihak pengguna mengenai bangunan dan infrastruktur Kementerian Pertahanan ke dalam sistem *centralized*, yang mana ini membolehkan JPPK untuk mengurus dan mengutamakan tugas dengan lebih berkesan serta menyediakan laporan metrik prestasi utama.

Dengan pelaksanaan *NAWHDS* ini, JPPK boleh mengurangkan masa tindak balas, menambahbaik kepuasan pengguna, meningkatkan keberkesanan dan kecekapan "*check and balance*" dalam proses kerja serta meningkatkan produktiviti. Oleh itu, ianya membolehkan JPPK memperbaiki perkhidmatan dan memastikan objektif Jabatanarah ini dapat dicapai supaya bangunan dan infrastruktur fizikal tetap kekal berkesan dan beroperasi bagi memenuhi keutamaan operasi Kementerian Pertahanan.

KEMENTERIAN KESIHATAN



2. "IMPLEMENTATION OF BLOODKAD MOBILE APPLICATION THROUGH PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP"

**Kumpulan Hemaheroes
Jabatan Perkhidmatan Makmal**

AHLI-AHLI

Dr Zainun binti Zaini, Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Makmal
Dr Hajah Nor Azian binti Haji Hafneh, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Makmal
Dayang Chong Kim Moi, Pegawai Saintifik Kanan
Awang Teo Shyh Kheng, Pegawai Saintifik Kanan
Awang Muhd Shahrune bin Haji Saparudin, Pegawai Saintifik
Dayang Nurilah binti Md Yanie, Pegawai Penyelia Makmal
Dayang Nur Afiqah binti Abdullah, Pegawai Saintifik

SINOPSIS

Aligned with Wawasan Brunei 2035's vision of "High Quality of Life" and Ministry of Health's Strategic Goal-"Excellence in Health Care Services" (2019-2023), Department of Laboratory Services is committed to achieve "Excellence in Clinical Laboratories". One of the outlined action plan is to ensure an adequate supply of safe blood and blood products by maintaining the percentage of blood donors meeting WHO criteria of 1% to 3% of total population. To address this, Blood Donation Centre initiated the implementation of a novel mobile application, known as "Bloodkad".

Bloodkad revolutionises blood donation by seamlessly connecting donors, public and blood banks across Brunei Darussalam. Bloodkad enables users to access donation information; facilitates donor registration; delivers timely alerts; optimises appointment scheduling; and enables donors to complete assessment prior to visiting blood donation centres. Its real-time communication feature fosters connectivity between donors and blood banks, facilitating alerts ,emergencies and awareness campaigns.

Embracing collaboration through public-private partnership with Nextacloud Technologies, driven by the mission to address global challenges through impactful IT solutions as well as aimed to alleviate blood scarcity and to enhance donor convenience in Brunei Darussalam, both entities successfully developed Bloodkad without any cost to the Government.

Bloodkad underwent successful pilot testing in 2017 and 2018 and this paved the way for its evolution to current version 3.0.

Today, Bloodkad has gained widespread adoption and is positioned for expansion across Brunei Darussalam, marking a significant progress towards ensuring a stable blood supply for the nation's healthcare needs.

KEMENTERIAN KESIHATAN



3. “WORKPLACE HEALTH PROMOTION WEBSITE”

Kumpulan Unit Tempat Kerja Sihat
Unit Tempat Kerja Sihat, Pusat Promosi Kesihatan

AHLI

Dr Bibina Tuty Umaira binti Haji Abd Hamid, Pegawai Perubatan

SINOPSIS

Projek ini adalah mengenai pembangunan dan pelaksanaan laman sesawang WHP (*Workplace Health Promotion*), satu inisiatif penting di bawah memorandum persefahaman antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn Bhd. Objektif utama projek adalah untuk meningkatkan literasi kesihatan di kalangan perkhidmatan awam dengan menawarkan kursus atas talian yang memfokuskan kepada gaya hidup sihat dan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD). Projek ini bertujuan mencapai kadar penyertaan 10% di kalangan perkhidmatan awam di setiap kementerian dan menyediakan modul komprehensif mengenai pemakanan sihat, aktiviti fizikal, pencegahan tembakau, dan kesihatan mental. Laman sesawang WHP ini berfungsi sebagai platform untuk menyebarkan maklumat kesihatan terkini dan memudahkan pendaftaran serta penyertaan kursus dalam talian yang ditawarkan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Program WHP menggalakkan persekitaran tempat kerja yang sihat, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pekerja perkhidmatan awam, dan menggalakkan pilihan gaya hidup yang lebih sihat. Program WHP telah mula diperkenalkan pada tahun 2010 dan disokong oleh pelbagai syarikat swasta sejak 2013. Permintaan berterusan daripada orang awam, pihak berkepentingan, dan syarikat swasta untuk ceramah kesihatan di tempat kerja menunjukkan keperluan untuk penyelarasan yang lebih baik dan pelaksanaan yang sistematik. Kejayaan projek ini bergantung pada pemasaran yang berkesan, pemantauan berkala dan penambahbaikan berterusan untuk memastikan penglibatan dan kepuasan pengguna terutama sekali kakitangan perkhidmatan awam. Tambahan pula, pembangunan laman sesawang ini memerlukan perancangan yang teliti dari segi reka bentuk, fungsi, dan pengalaman pengguna, memastikan ia memenuhi keperluan pengguna sambil memupuk tenaga kerja yang lebih sihat dan produktif.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



4. "LIFESAVER 995" **Kumpulan Rescuer 995** **Jabatan Bomba dan Penyelamat**

AHLI-AHLI

Awang Syu'aib bin Kifli, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G'

Dayang Siti Masnur Juraini binti Jini, Ketua Pusat Gerakan

Pengiran Mohammad Ali Rahman bin Pengiran Haji Salleh, Ketua Bahagian Perhubungan Awam Bomba

SINOPSIS

Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mula menawarkan Kursus Lifesaver 995 pada tahun 2019. Kursus Lifesaver 995 adalah antara kursus di dalam Program Kesedaran Awam yang dibukakan kepada seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam. Kursus ini adalah percuma dan mengambil masa setengah hari sahaja dimana ianya menjurus kepada pengetahuan mengenai keselamatan umum, pencegahan dan persediaan menghadapi kebakaran api kecil.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



5. “*NATIONAL LABOUR MANAGEMENT SYSTEM (NLMS)*”

Kumpulan NLMS

Jabatan Buruh

AHLI-AHLI

Awang Muhammad Saufi bin Haji Ibrahim, Pesuruhjaya Buruh

Awang Haji Shariful-Bahri bin Haji Sawas, Timbalan Pesuruhjaya Buruh

Awang Haji Muhd Dani bin Haji Abd Wahab, Penganalisa Sistem

Awang Maha'adi bin Mohd Aiani, Penolong Pesuruhjaya Buruh

Dayangku Aliana binti Pengiran Haji Abdullah, Pegawai Pentadbir Tingkat 1

Dayang Siti Samiah binti Haji Ismail, Penolong Pegawai Kerja Tingkat 1

SINOPSIS

National Labour Management System (NLMS) ini akan meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pemprosesan terutama sekali bagi permohonan LPA (Lesen Pekerja Asing) dan LPD (Lesen Pekerja Domestik) di Jabatan Buruh. Sistem NLMS ini akan mengautomasikan proses dalaman, memusatkan data, menyediakan laporan yang tepat, serta berintegrasi dengan pihak berkepentingan lain. Selain itu, sistem NLMS mempunyai beberapa modul yang lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan ini. Modul-modul tersebut adalah:

1. Lesen Pekerja Asing (LPA)
2. Lesen Pekerja Domestik (LPD)
3. Agensi Pekerjaan (EA)
4. Kewangan (FIN)
5. Statistik (STATS)
6. Pampasan (COMP)
7. Penguatkuasa Undang-Undang (LED)

Bagi tujuan Anugerah Inovasi Perdana (AIP) ini, fokus akan diberikan kepada modul LPA dan LPD kerana kedua modul ini adalah permohonan yang utama bagi Jabatan ini. Dalam penyediaan sistem ini, beberapa aktiviti utama telah dikenalpasti, iaitu:

- Pemusatan Data: Membina pangkalan data tidak silo untuk memastikan data dapat diakses dengan mudah.
- Perkhidmatan Atas Talian: Menyediakan e-perkhidmatan untuk memudahkan pengguna mengakses perkhidmatan secara atas talian.
- Penyelarasan Proses: Memperkemaskan aliran proses semasa untuk meningkatkan kecekapan.
- Latihan: Menyediakan latihan kepada pengguna untuk memastikan penggunaan sistem yang efektif.

Dalam hubungan ini, manfaat bagi sistem ini dikategori kepada dua, iaitu kualitatif dan kuantitatif.

- Manfaat Kualitatif:
 - Kepuasan Pengguna - Akses kepada perkhidmatan yang lebih mudah iaitu secara atas talian.
 - Penyelarasan Usaha dan Peningkatan Produktiviti - Mengurangkan masa dan usaha dalam pemrosesan permohonan.
- Manfaat Kuantitatif:
 - TPOR - Dapat diukur berapa lama permohonan diproses.
 - Waktu Menunggu - Mengurangkan waktu menunggu untuk pemohon di kaunter.
- Kekerapan Lawatan: Mengurangkan kekerapan lawatan pemohon ke kaunter di Jabatan / Cawangan.
- Lesen Tanpa Kertas: Memperkenalkan lesen dalam format digital.
- Pengurangan Dokumen Fizikal: Mengurangkan penggunaan kertas dalam proses permohonan.

Dengan pelaksanaan sistem NLMS ini, Jabatan Buruh akan meningkatkan ketelusan proses bagi pihak berkepentingan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan responsif.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



6. "BRUNEI DIGITAL E-ARRIVAL CARD"

Kumpulan EAC Team (E.T)

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

AHLI-AHLI

Awang Haji Hairone bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Imigresen

Awang Amir bin Ringgit, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Awang Supian bin Haji Mohd Yussof, Pemangku Penolong Pegawai Perangkaan

Awang Mohammad Idzuan bin Md. Hashim, Pegawai Imigresen Kanan

Awang Mohammad Norkharimmin bin Zakaria, Pegawai Imigresen

SINOPSIS

Projek *Brunei Digital E-Arrival Card* merupakan satu inisiatif memperbaiki proses pengisian deklarasi maklumat bagi pelawat asing yang tiba di Negara Brunei Darussalam. Projek ini juga merupakan salah satu transformasi dan perubahan ke arah penambahbaikan proses kerja yang ada pada masa ini. Beberapa masalah telah dikenal pasti mengenai pengisian maklumat deklarasi dengan keadaan sebelum ini dan pihak Jabatan telah merancang dan melaksanakan projek ini dengan beberapa kaedah sumber dan teknologi serta inovasi dalam mencapai objektif yang dihasratkan.

Selain itu impak dan hasil telah diperolehi setelah pelaksanaan projek dan perancangan masa hadapan bagi sistem *E-Arrival Card* telah pun dinyatakan dalam kertas projek ini. Ianya juga termasuk cabaran-cabaran pelaksanaan dan kemampuan projek secara berterusan mengikut perubahan semasa ke semasa.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



7. "INVENTORY MANAGEMENT SYSTEM"

Kumpulan UPDT

Unit Pengurusan Data dan Teknologi, Jabatan Sekolah-Sekolah

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Maria binti Abdullah @Lee Choi Nyuk, Ketua Unit Pengurusan Data dan Teknologi

Awang Muhammad Aizat Safwan bin Rosali, Pembantu Teknik Kanan

Dayang Hajah Haryani binti Haji Duraman, Pembantu Teknik Kanan

Dayang Masniah binti Haji Lamat, Ketua Pembantu Teknik

Dayang Nuramalina binti Awang Zali, Pembantu Teknik Kanan

Dayang Marlina binti Haji Mahit, Pembantu Teknik

SINOPSIS

Pengurusan dan Pentadbiran Islam hendaklah berdasarkan sesuatu yang menjamin kebaikan dan mengelak keburukan. Maqasid Syariah bermaksud tujuan, makna dan hikmah yang ditetapkan oleh syarak dalam hukum-hukum yang disyariatkan dengan bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia bagi perkara yang menyentuh aspek pemeliharaan agama, kehidupan, akal pemikiran, zuriat keturunan dan harta. Kepentingan dan peranan Maqasid Syariah tidak terhad kepada penentuan dalam sesuatu permasalahan hukum, bahkan penggunaannya adalah lebih meluas untuk diaplikasikan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam dalam usaha untuk memastikan inisiatif yang dirancang berkaitan dengan sosial, ekonomi pendidikan dan politik selari dengan tuntutan dan lunas-lunas Islam.

Sehubungan dengan ini, Unit Pengurusan Data dan Teknologi telah melaksanakan Sistem Pengurusan Inventori (IMS) dengan objektif untuk memantau semua data aset inventori ke dalam satu sistem dan menguruskannya dengan lebih berkesan dan memastikan peralatan IT tersebut digunakan sepenuhnya terutama untuk kemashalatan pemimpin sekolah, guru-guru dan pelajar-pelajar.

Usaha ini selaras dengan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan, dengan visi “Pendidikan Berkualiti melalui Transformasi Digital” yang berfungsi sebagai peta jalan dalam melaksanakan inisiatif transformasi digital di seluruh Kementerian, terutama dalam pengajaran dan pembelajaran dan penyampaian perkhidmatan awam. Justeru itu, Sistem Pengurusan Inventori (IMS) telah membantu meningkatkan penggunaan teknologi di sekolah-sekolah dan meningkatkan kemahiran abad 21 (*Literacy Digital 21st Century Skills*) pelajar-pelajar. IMS juga membantu pihak Jabatan untuk mengenal pasti, memantau dan menangani isu kerosakan dan kehilangan peralatan / peranti dengan lebih cepat, tepat dan efisien dan sekaligus telah meningkatkan perkhidmatan Jabatan yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



8. “EPIC LEADERS INNOVATING AND TRANSFORMING EDUCATION (ELITE)”

Kumpulan Na’sihun

Unit Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali, Penolong Pengarah

Dayang Mazleyati binti Haji Ramlee, Pegawai Pelajaran Kanan

Dayangku Suryani binti Pengiran Haji Md Yasin, Pegawai Pendidikan

Pengiran Irdawati binti Pengiran Haji Sulaiman, Pegawai Pendidikan Tingkat Khas

Awang Haji Azhar bin Hamzah/Akob, Pegawai Pendidikan

Awang Abdul Rani bin Haji Saman, Pegawai Pendidikan

SINOPSIS

EPIC (Executive Professional Intellectual Collaboration) platform was initiated to bring school leaders together learning and engaging experience by using interactions and collaborative learning for a variety of purposes, like professional development, academic education, and informal skill-building. It is a social learning platform that engage one another, share experiences, and ask questions, leading to a more efficient onboarding process. Every year, this platform has a theme that captures the current needs of our education. This year itself, EPIC aims to enhance the leadership competencies of middle leaders in schools through a structured immersion experience.

The EPIC Leaders Innovating and Transforming Education (ELITE) Immersion Program (EIP) is designed to provide middle leaders with practical, real-world experience aligned with their leadership roles. The program’s primary objective is to build a robust middle leadership tier that can drive school improvements and elevate educational outcomes. Key performance indicators include 100% participation from registered middle leaders and principal mentors, fostering a systematic approach to leadership development during induction phases.

The 2024 theme, "Stronger Middle, Stronger School," emphasizes the role of middle leaders in educational innovation. The program is structured around four themes: directionality, experimentation, demand articulation, and policy coordination. These themes support the development of interests and capabilities among middle leaders, enhance networks, and improve school environments. The program anticipates several positive impacts: improved leadership and decision-making skills among middle leaders, enhanced communication and collaboration within schools, significant positive effects on student outcomes and stakeholder satisfaction, development of middle leaders capable of transformational leadership, improved student achievements, and a positive shift in school culture. Additionally, increased stakeholder satisfaction will reinforce the school's reputation and community engagement.

Data analysis over recent years indicates a strong correlation between well-developed middle management and improved student outcomes. Surveys and comparative studies confirm that schools investing in middle leader development consistently outperform others in student achievement and stakeholder satisfaction. The ELITE Immersion Program is crucial for advancing educational excellence. By equipping middle leaders with the necessary skills and experiences, the programme aims to foster leadership that inspires and drives positive change within schools, ultimately benefiting students and the broader school community.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



9. “TRANSFORMASI PENDIDIKAN KE ARAH MENINGKATKAN PROFESIONALISME DAN KUALITI GURU”

Kumpulan SR Team (Selection Recruitment Team)

Jabatan Pengurusan Pendidik

AHLI-AHLI

Dayang Noraqilah binti Abdul Rahman, Pegawai Pelajaran Kanan

Dayangku Hajah Hamidah binti Pengiran Haji Ahmad, Pegawai Pelajaran

Dayang Khairani binti Haji Matusin, Pengajar Teknik Kanan

Awangku Edy Irman bin Pengiran Haji Tahir, Pegawai Pendidik

Dayang Nur Hermah Wasimah binti Abdullah Sebi, Penolong Pegawai Kakitangan

Awang Sukri Hadafi Serudin bin Haji Yahya, Guru

SINOPSIS

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik telah melaksanakan Transformasi Pengurusan Sumber Tenaga Manusia bermula pada Tahun 2019 dimana ianya bertujuan bagi melahirkan kapasiti sumber tenaga manusia yang berpendidikan tinggi, dinamik, produktif, kompetitif, inovatif dan profesional. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan dalam Transformasi ini adalah Proses Pemilihan dan Pengambilan Tenaga Pengajar baharu melalui Program Immersi dan Program Perantis. Melalui proses pemilihan dan pengambilan ini, adalah diharapkan keperluan penggantian tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam adalah lebih terancang berdasarkan analisa keperluan subjek dan pengisian jawatan kosong melalui *human resource projection*.

Inisiatif pelaksanaan ini telahpun mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui warkah rujukan HHP0 77/1981/IV bertarikh 21 September 2019 yang telah disembahmaklumkan pada 23 Zulhijjah 1440 bersamaan dengan 23 Ogos 2019, dan juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Guru ke-29 pada 23 September 2019, dimana telah memperkenankan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pembaharuan terhadap Proses Pemilihan dan Pengambilan Tenaga Pengajar.

Melalui proses pembaharuan ini, pemohon-pemohon akan melalui proses pemilihan yang lebih rapi, ketat, telus, efisien dan sistematik dalam menghasilkan sumber tenaga manusia khususnya tenaga pengajar yang berkualiti dan berkelayakan. Mereka yang berjaya menempuhi dan melepasi semua penilaian saringan adalah yang benar-benar berkelayakan, menterampikan kewibawaan, memiliki potensi ciri-ciri guru cemerlang serta mencapai kriteria-kriteria dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



10. “SISTEM PENGURUSAN RECIPROCAL BORROWING SCHEME”

**Kumpulan Pustakawan
Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam**

AHLI-AHLI

Awang Mohammad Suhimi bin Mohd Salleh, Pustakawan

Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Adanan, Pustakawan

Awang Amirul Shahezel bin Haji Abd Rahman, Pustakawan

Pengiran Khairunnadiah binti Pengiran Kamaruddin, Pembantu Perpustakaan Tingkat II

SINOPSIS

Sistem Pengurusan *Reciprocal Borrowing Scheme* (RBS) adalah inisiatif kolaboratif antara Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan institusi pengajian tinggi lain seperti UNISSA, UTB, KUPU SB, PB dan IBTE. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk menyediakan sistem yang lebih mudah, efisien dan mesra pengguna bagi pendaftaran serta penggunaan RBS.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan pendaftaran ahli RBS baharu dan penggunaan akses kepada bahan sumber perpustakaan melalui peminjaman antara perpustakaan. Selain itu, ia juga mengoptimumkan penggunaan akses kepada bahan bacaan dalam talian dan pangkalan data yang disediakan.

Sistem Pengurusan RBS adalah pendekatan strategik untuk memperluaskan akses kepada sumber-sumber perpustakaan serta menggalakkan kerjasama antara perpustakaan. Dengan memanfaatkan sumber yang dikongsi dan memudahkan proses pendaftaran dan pelepasan, diharap inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak, mempromosikan pembelajaran yang lebih inklusif dan penuh dengan kepelbagaian sumber maklumat yang berterusan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



11. “POSLAJU MEDICINE: REVOLUSI PERKHIDMATAN POS KEPADA ORANG RAMAI”

Kumpulan Poslaju Medicine

Jabatan Perkhidmatan Pos

AHLI-AHLI

Dr Rosdi bin Haji Abdul Aziz, Pemangku Ketua Pos Agung

Awang Haji Shahrin bin Haji Ibrahim, Pengawal Pos

Awang Haji Mohammad Fouzi bin Haji Abdullah, Ketua Penguasa Pos

Dayang Lim Ling Khim, Penguasa Pos

Dayang Zuraliza binti Jumat, Penguasa Pos

SINOPSIS

Poslaju Medicine merupakan sebuah projek inovatif dari Jabatan Perkhidmatan Pos. Perkhidmatan baharu ini membolehkan orang ramai memesan ubat melalui aplikasi mudah alih, QueUP, dan dihantar terus ke rumah mereka. Inisiatif ini menangani keperluan kritikal, termasuk meningkatkan akses orang ramai kepada perkhidmatan Jabatan, memodenkan perkhidmatan pos dan mencipta aliran hasil baharu untuk kemampanan dan pertumbuhan.

Projek ini merupakan usaha kerjasama yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Rhymn & Partners dan Alif Technology. Objektif utama projek ini adalah untuk menyediakan platform digital yang membolehkan orang ramai memesan ubat dalam talian dengan akses 24/7, memperkemas operasi Jabatan, meningkatkan hasil Kerajaan melalui penawaran perkhidmatan yang lebih inovatif dan memenuhi kepuasan hati pelanggan yang dengan secara tidak langsung menaikkan imej Jabatan.

Ciri-ciri utama Poslaju Medicine termasuklah memberikan kemudahan membuat pesanan dengan aplikasi QueUP dan berupaya menjelaknya dengan lancar dengan pemantauan dan kelulusan melalui *dashboard* berasaskan web untuk kedua-dua Unit Poslaju Medicine dan Unit Farmasi. Selain itu, pembayaran perkhidmatan secara dalam talian (*online banking*) serta sokongan pelanggan yang komprehensif melalui Pusat Perkhidmatan Pelanggan.

Sejak penubuhannya, Poslaju Medicine telah mencapai pencapaian penting seperti 100% automasi proses pesanan. Permintaan yang konsisten dengan minimum 60 tempahan sebulan serta peningkatan 20% dalam hasil Jabatan dari tahun sebelumnya. Tambahan itu, pencapaian 90% kadar kepuasan pelanggan.

Rancangan masa depan adalah termasuk memperluaskan perkhidmatan ke seluruh negara. Dengan menggabungkan teknologi canggih dan perkongsian strategik serta pendekatan yang mementingkan pelanggan, Projek Poslaju Medicine akan memantapkan kualiti untuk inovasi di dalam perkhidmatan awam.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



12. “APLIKASI MENGALINGA”

Kumpulan Bertindak Aplikasi Mengalinga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman, Ketua Pegawai Belia dan Sukan (Belia)
Dayang Umi Faizura binti Haji Ismail, Penganalisa Sistem Kanan
Dayang Hajah Normie Haryanti binti Haji Ramli, Pegawai Projek
Awang Muhd Amirul Syazmie bin Ibrahim, Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan
Awang Syed Abdul Mu'iz bin Haji Syed Anayatullah Shah, Pegawai Belia dan Sukan
Dayang Norulhoda binti Muhammad Iskandar, Pengawas Pergerakan-Pergerakan Belia dan Sukan
Dayang Hajah Mardiana binti Haji Rosmi, Jurutera Sistem
Awang Abdul Muiz bin Haji Abd Manan, Jurutera Sistem
Awang Aminuddin bin Haji Abdul Ghaffar, Jurutera Sistem

SINOPSIS

Pada 7 Ogos 2021, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melancarkan aplikasi Mengalinga di Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-16, Tahun 2021. Dalam merealisasikan hasrat ke arah membina sebuah negara pintar (*smart nation*) yang inklusif, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama rakan strategik, Baiduri Bank membangun inisiatif digital bagi pembangunan masyarakat termasuk pemerkasaan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan.

Aplikasi ini menyediakan platform yang menghubungkan individu yang berminat untuk menyertai aktiviti kesukarelawanan dengan organisasi yang menawarkan peluang tersebut. Ia bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat terlibat dalam sukarlawanan, membantu organisasi mentadbir dan menyelaras sukarlawanan dengan lebih efisien dan memupuk budaya perpaduan di kalangan masyarakat Brunei. Pembangunan aplikasi ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Aplikasi ini memanfaatkan teknologi digital, termasuk penggunaan AI untuk meningkatkan keberkesanan dan pengalaman pengguna, serta memperkenalkan elemen-elemen menarik untuk meningkatkan penyertaan. Walaupun menghadapi beberapa cabaran, seperti penglibatan rendah dan kekurangan data terperinci, projek ini telah menunjukkan impak yang signifikan terhadap individu, organisasi, masyarakat dan negara. Sejak ianya dilancarkan, aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak 8,689 kali manakala 4444 orang individu telah direkodkan mendaftar (*sign up*) dan sebanyak 158 buah organisasi didaftarkan di dalam aplikasi tersebut setakat 28 Jun 2024.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



13. “PENUBUHAN TALIAN A.N.A.K. 121 (ANAK NEGARA ASET KITANI)” Kumpulan CCJ (Call Centre JAPEM) Jabatan Pembangunan Masyarakat

AHLI-AHLI

Dayang Norzaridah binti Haji Zainal, Pegawai Pembangunan Masyarakat
Awang Mohamad Zamri bin Haji Barudin, Jurupandu Kelas B
Dayang Hamizah binti Matali, Pekerja Tingkat II

SINOPSIS

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) merupakan salah sebuah Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk memeduli kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Di atas dasar keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan akses perkhidmatan sosial kepada golongan yang terdedah di negara ini, khususnya bagi kanak-kanak, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Telekom Brunei Berhad (TelBru) atau sekarang dikenali sebagai Imagine Sdn. Bhd, telah menubuhkan ‘Talian ANAK 121’ pada 1 Oktober 2019.

Inisiatif Talian ANAK 121 adalah selaras dengan strategi dan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak seperti terkandung dalam Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak, melalui Jawatankuasa Khas Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Tidak dinafikan bahawa antara cabaran yang dihadapi di negara ini adalah peningkatan kes penderaan kanak-kanak. Menurut statistik yang diperolehi daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, sebelum penubuhan Talian ANAK dalam tahun 2019, jumlah kes penderaan kanak-kanak telah meningkat sebanyak 23% sejak tahun 2014 sehingga tahun 2018 iaitu dari 43 kes ke 56 kes. Ini amatlah membimbangkan, dan adalah penting bagi memastikan kesejahteraan golongan kanak-kanak, agar mereka akan dapat hidup dalam suasana yang kondusif untuk mencapai potensi masing-masing sebagai aset negara masa hadapan.

Talian ini dinamakan Talian ANAK 121 dimana perkataan ANAK adalah akronim bagi Anak Negara Aset Kitani, yang mana moto Talian adalah “Kami Mendengar”, untuk menekankan kepada kanak-kanak bahawa melalui perkhidmatan ini, ada orang bersedia untuk mendengar permasalahan dan memberikan bantuan yang sewajarnya bagi masalah yang dihadapi.

Antara lain, objektif penubuhan talian ini ialah untuk meningkatkan sistem perlindungan bagi kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian dan eksploitasi serta untuk menyediakan saluran komunikasi yang khusus bagi kegunaan kanak-kanak yang mungkin berada dalam kesusahan serta memerlukan penjagaan dan perlindungan daripada penderaan ibu, bapa atau penjaga, penyalahgunaan dadah, buli, rasa bunuh diri atau kesulitan dalam keluarga.

Talian ini beroperasi mulai 2 Oktober 2019, dan dikendalikan oleh ejen panggilan atau pekerja sosial yang telah menjalani latihan kursus asas kaunseling untuk berinteraksi dengan kanak-kanak melalui telefon dan mereka ini akan menjalani latihan berterusan berdasarkan *risk assessment* dari masa ke semasa untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh pemanggil.

Disamping Talian ANAK 121, JAPEM juga telah mengendalikan Talian Kebajikan 141 sejak Julai 2006 yang mana digunakan bagi orang ramai membuat panggilan dan melaporkan kes pengabaian, eksploitasi, masalah keluarga dan juga memohon bantuan kebajikan, perlindungan dan kaunseling.

Melalui penubuhan Talian ANAK 121 ia bukan sahaja dapat menyediakan platform untuk golongan kanak-kanak membuat panggilan, tetapi melalui penubuhan sebuah Pusat Panggilan yang dilengkapi sistem yang menyeluruh, ia telah memberikan impak yang besar terhadap pihak Jabatan dan juga kepada orang ramai.

Pengintegrasian Talian Kebajikan 141 ke dalam sistem pusat panggilan yang ditubuhkan bagi Talian ANAK 121 juga telah memantapkan lagi perkhidmatan yang disampaikan kepada orang ramai dalam melaporkan kes pengabaian, eksploitasi, masalah keluarga, memohon bantuan kebajikan, perlindungan dan kaunseling yang dikendalikan oleh JAPEM sejak Julai 2006. Setentunya, Talian ANAK 121 adalah nilai tambah kepada perkhidmatan Talian Kebajikan 141.



PROGRAM PENGGEDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA)

PROGRAM PENGREDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA) MELALUI PENARAFAN BINTANG

PENGERTIAN DAN OBJEKTIF 3PSA

PENGERTIAN 3PSA

Sistem penilaian yang memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada agensi kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan

OBJEKTIF 3PSA

-  **Menilai / Mengukur Prestasi**
agensi kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan di tahap cemerlang.
-  **Memberi penghargaan & pengiktirafan** agensi kerajaan yang menunjukkan tahap urus tadabir terbaik & meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul.
-  **Promosi** melalui mengenal dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik untuk dijadikan sebagai benchmark Perkhidmatan Awam.
-  Menggalakkan **penaungan nilai** antara agensi kerajaan – pengurusan organisasi & penyampaian perkhidmatan lebih cekap & berkesan.
-  Meningkatkan kesedaran – kepentingan untuk meningkatkan **prestasi, kualiti dan produktiviti kerja**.
-  Membantu memberkesakan **usaha penambahbaikan / pembaharuan** yang telah / sedang / akan dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam.

SKOP PENILAIAN 3PSA

3PSA menilai dua (2) dimensi iaitu :-

1. Pembolehdaya (*enablers*) dan
2. Pencapaian (*results*).

Wajaran (*weightage*) telah ditetapkan bagi setiap dimensi, iaitu 40% bagi *enablers* dan 60% bagi *results*.

Setiap dimensi dibahagikan kepada empat (4) skop yang sama iaitu :-

- Skop 1: Strategi dan Pelaksanaan;
- Skop 2: Dasar dan Pelaksanaan;
- Skop 3: Sumber Manusia; dan
- Skop 4: Pemeduliaan Pelanggan.

KRITERIA PENILAIAN 3PSA



Rajah 1 - Skop Penilaian 3PSA

Skop penilaian ini selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, pada 24 November 2015, antara lain:

*“Pemimpin yang berkualiti bukan saja **MEMPUNYAI WAWASAN DAN HALA TUJU YANG JELAS**, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk **MELAKUKAN APA SAJA PEMBAIKAN ATAU PEMBAHARUAN YANG PERLU**. Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki.*

Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus.

*Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka **MENANGANI TUGAS DAN MEMBIMBING ORANG-ORANG DI BAWAH MEREKA**. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna.*

*Dalam aktiviti perekonomian umpamanya, warga perkhidmatan awam sangat **PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN ORANG RAMAI**, terutama para usahawan dan pelabur. Mereka ini sentiasa berhajatkan layanan dan pimpinan terbaik, sempurna dan cepat. Jika kita gagal, bererti ini adalah kegagalan kerajaan.”*

STRATEGI PELAKSANAAN 3PSA

Beberapa strategi telah dilaksanakan bagi penilaian 3PSA, dimana sebelum penilaian formal dilaksanakan, bengkel 3PSA akan dilaksanakan terlebih dahulu kepada agensi-agensi yang dikenalpasti untuk dinilai bagi memperkenalkan serta memberi kefahaman mengenai 3PSA. Sejurus itu peserta bengkel akan melaksanakan *self-assessment* di agensi masing-masing. Bengkel dan *self-assessment* ini dilaksanakan dalam tempoh satu ke dua tahun sebelum penilaian formal dilaksanakan.

Manakala, selepas penilaian formal 3PSA, *status update* serta *checkpoint* akan dilaksanakan bagi mengetahui status pelaksanaan cadangan pembaikan yang telah dicadangkan dan dipersetujui semasa penilaian formal 3PSA. Tempoh pelaksanaan *status update* dan *checkpoint* masing-masing dilaksanakan pada tahun pertama dan kedua setelah penilaian formal 3PSA dilaksanakan kepada agensi dinilai. Disamping itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan juga secara berterusan memberikan khidmat konsultasi kepada agensi yang memerlukan di sepanjang tempoh proses pelaksanaan 3PSA (Rajah 2).

Setelah *validity* penilaian formal 3PSA tamat tempoh tiga (3) tahun, penilaian susulan akan dilaksanakan.



Rajah 2 - Strategi Pelaksanaan 3PSA

PENCAPAIAN 3PSA

Penilaian 3PSA pada peringkat awal mengutamakan agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan seterusnya dilaratkan kepada agensi-agensi yang kurang berurusan dengan orang ramai. Sejak Tahun Kewangan 2016 / 2017 sehingga Tahun Kewangan 2023 / 2024, sebanyak 48 agensi telah dilaksanakan penilaian termasuk 21 agensi telah dilaksanakan penilaian susulan.

Rajah 3 dibawah menunjukkan hasil daripada penilaian dan penelitian bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 sehingga Tahun Kewangan 2022 / 2023, 13 agensi Kerajaan telah memperolehi pencapaian di tahap Baik (3 bintang) dan ke atas dan telah dianugerahkan semasa Hari Perkhidmatan Awam.


AGENSI YANG TELAH DIANUGERAHKAN 3PSA



Rajah 3 - Senarai Agensi-Agensi Kerajaan Yang Telah Dianugerahkan Semasa Hari Perkhidmatan Awam

Melalui penilaian 3PSA yang telah dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) tahun kebelakangan, tidak ada agensi yang memperolehi pencapaian di tahap Cemerlang (5 bintang). Pencapaian tertinggi agensi yang dinilai adalah 78.0% iaitu di tahap Sangat Baik (4 bintang), bagaimanapun jurang untuk mencapai ke tahap Cemerlang adalah 13%.

Manakala, pencapaian terendah agensi yang dinilai secara purata adalah 35.3% iaitu di tahap Memerlukan Pembaikan (1 bintang) dan jurang untuk mencapai tahap Cemerlang adalah 55.7%.



Rajah 4 - Purata Pencapaian Agensi Mengikut Tahap Bintang

KESIMPULAN

Dengan terlaksananya 3PSA ini diharap akan memberikan impak yang positif terhadap Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, selain menggalakkan pendekatan *results oriented* dan persaingan sihat antara agensi Kerajaan. Sesuai dengan hasrat pengenalnya, 3PSA dapat digunakan sebagai *diagnostic tools* untuk mengenal pasti kekuatan dan peluang untuk penambahbaikan (*opportunities for improvement*) serta memberikan preskriptif pembaikan.

**ANUGERAH
PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
(APCPA)**

PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja pegawai dan kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh pegawai dan kakitangan yang lain.

OBJEKTIF

Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian atau Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara rasmi kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.

Untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan pegawai dan kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.

Untuk mewujudkan nilai tambah (*value added*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai aspek, iaitu:

KEPIMPINAN

- Dinilai dari segi profesionalisme, keupayaan membimbing dan memimpin pegawai dan kakitangan bawahan sebagai satu pasukan yang mantap.

BERWAWASAN (*VISIONING*)

- Dinilai dari segi kebijaksanaan, mempunyai fikiran dan pandangan jauh dan strategik, dan membuat keputusan berorientasikan hasil.

CONTOH TERBAIK (*ROLE MODEL*)

- Dinilai dari segi keupayaan untuk menjadi contoh terbaik dari segi prestasi, disiplin, akhlak dan keperibadian.

INOVATIF

- Dinilai dari segi penghasilan inovasi dalam pelaksanaan kerja, contohnya, memperkenalkan kaedah atau sistem pelaksanaan kerja baharu yang lebih efektif dan efisien.

KOMUNIKASI BERKESAN

- Dinilai dari segi keberkesanan menyampaikan, menerima dan membincangkan maklumat / *idea* / pengetahuan dengan tepat dan jelas.

PEMANGKIN PERUBAHAN POSITIF

- Dinilai dari segi keupayaan mengurus perubahan dan mempengaruhi rakan sekerja secara positif ke arah peningkatan dan perubahan mengikut keperluan, dasar dan peraturan semasa.

PENGLIBATAN DALAM KERJA KESUKARELAWANAN

- Dinilai dari segi penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan di luar dari tugas-tugas rasmi yang dapat memberi manfaat kepada organisasi atau orang ramai (masyarakat). Perkara ini meliputi penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan dan perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Ciri-ciri yang dinilai adalah seperti berikut:

CONTOH TERBAIK (*ROLE MODEL*)

- Dinilai dari segi keupayaan untuk menjadi contoh terbaik dari segi prestasi, disiplin, akhlak dan keperibadian.

KOMITMEN

- Dinilai dari segi sikap yang positif dalam memberikan sepenuh tenaga, perhatian dan sokongan kepada pelaksanaan setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan serta menunjukkan semangat dan tahap motivasi yang tinggi.

PERWATAKAN

- Dinilai dari segi keperibadian yang merangkumi budi pekerti, tingkah laku, pemikiran, cara pembawaan diri dan keupayaan berinteraksi sesuai dengan keadaan.

BERINISIATIF

- Dinilai dari segi keupayaan untuk mengenal pasti masalah atau keperluan penambahbaikan, dan seterusnya memberi saranan atau mengambil langkah untuk memulakan usaha-usaha penyelesaian atau penambahbaikan yang bersesuaian. Proaktif dan tidak camah mata.

SUMBANGAN

- Dinilai dari segi sumbangan di luar daripada skop tugas harian yang boleh meningkatkan imej dan prestasi organisasi. Contohnya, menyumbang kepada peningkatan kemahiran rakan sekerja melalui sesi perkongsian, menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan Jabatan dan mengenalkan sistem penambahbaikan proses kerja.

PENGLIBATAN DALAM KESUKARELAWANAN

- Dinilai dari segi penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan di luar daripada tugas-tugas rasmi yang memberi manfaat kepada organisasi atau orang ramai. Perkara ini meliputi penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keugamaan, kesukanan dan perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PENERIMA - PENERIMA APCPA

JABATAN PERDANA MENTERI



**Dayang Siti Noor Khatidzeah binti
Haji Mohamed**
Juruaudit
Bahagian II
Jabatan Audit



Awang Aliudin bin Haji Badarudin
Penolong Juruaudit Tingkat II
Bahagian III
Jabatan Audit



Dayang Shamsinah binti Tengah
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Audit



**Awang Hezzly Yadi bin
Mohammad Indera**
Pemandu Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

KEMENTERIAN PERTAHANAN



Awang Khairul Anwar bin Haji Omar
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Bahagian II
Pejabat Pengurusan Strategi



Awang Mohamad Siddique bin Sulaiman
Kerani
Bahagian IV
Pejabat Urusetia Setiausaha Tetap



Dayang Hasniwati binti Kurus
Tukang Masak
(Diperbantukan Pembantu Kerani)
Bahagian V
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



**Pengiran Muhammad Hadi Nazirul
bin Pengiran Asmali**
Penguasa Kastam Kanan
Bahagian II
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja



Awang Haji Fatdli bin Awang Haji Tuah
Penyelia Pejabat
Bahagian III
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



Dayang Hajah Saleha binti Mohd Salleh
Pemeriksa Harga
Bahagian IV
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI



Dayang Sulia binti Haji Ibrahim
Penterjemah Kanan
Bahagian III
Jabatan Asia-Timur



Dayang Siti Hadinah binti Jamil
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Pentadbiran

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Dayang Murni binti Haji Ismail
Pegawai Ugama
Bahagian II
Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam



Awang Haji Mayalin bin Haji Bali
Guru Ugama Terlatih
Bahagian III
Jabatan Pengajian Islam



Dayang Nazura binti Sabtu
Penterjemah
Bahagian IV
Bahagian Pendakwaan Syar'ie



Dayang Suraya binti Haji Masri
Pekerja Tingkat I
Bahagian V
Bahagian Pendakwaan Syar'ie

KEMENTERIAN KESIHATAN



Dayang Chong Kim Moi
Pegawai Saintifik Kanan (Kaji Kuman)
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Makmal



**Dayang Hajah Faridah binti
Haji Abd Rahman**
Ketua Tukang Ubat
Bahagian III
Jabatan Perkhidmatan Farmasi



**Awang Haji Mohammad Amni bin
Haji Zaman**
Juruteknik Pelajaran Kesihatan
Bahagian IV
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Alam Sekitar



**Dayang Hadizah binti
Haji Abdul Rahman**
Amah
Bahagian V
Hospital Suri Seri Begawan
Jabatan Perkhidmatan Perubatan

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Dayang Noor Sarina binti
Haji Kasim**
Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Bahagian III
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



Dayang Noorita binti Haji Tahir
